

01/10/1997

Rombongan Britain tinjau MSC

ROMBONGAN perdagangan Britain akan berada di Malaysia dari 17 hingga 21 November bagi meneroka peluang yang ditawarkan oleh Koridor Raya Multimedia (MSC).

Kenyataan akhbar Suruhanjaya Tinggi Britain yang dikeluarkan di sini, menyebut syarikat yang menyertai misi dagangan itu, antara lain terbabit dalam kelengkapan pengiraan dan komunikasi rangkaian, penyepaduan sistem, teknologi multimedia, perisian pendidikan dan kad pintar serta pemaju perisian dan jururunding.

Misi dagang ini dianjurkan Persatuan Pembekal Pendidikan British (BESA), Jabatan Perdagangan dan Industri Britain (DTI) serta Suruhanjaya Tinggi Britain di Kuala Lumpur.

"Misi ini adalah susulan lawatan Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke United Kingdom Mei lalu bagi mempromosi MSC di kalangan usahawan Britain," katanya.

Ia adalah susulan kepada lawatan Setiausaha Parlimen Pajabat Kabinet Britain, Peter Kilfoyle awal bulan ini bagi mengkaji rancangan Malaysia untuk menjadikan teknologi maklumat lebih mudah diperolehi di kalangan masyarakat perniagaan dan orang ramai.

Satu seminar bertema "DIY: Elektronik" akan diadakan dengan kerjasama Mimos Bhd sempena lawatan itu.

Menurut kenyataan itu, Mimos Bhd dan Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) akan mengadakan taklimat mendalam kepada syarikat Britain yang berminat menyertai MSC. - Bernama

(END)